

SOALAN NO: 96

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]
TARIKH : 1 OGOS 2017
SOALAN : 106**

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapa peruntukan perbelanjaan bekalan dan perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk Kementerian Kesihatan dalam tahun 2015, 2016 dan juga 2017 adalah untuk dibelanjakan di Negeri Sarawak. Apakah peratusan peruntukan tersebut terdiri daripada peruntukan keseluruhan Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan bekalan Mengurus B42 dan Pembangunan P42 yang diperuntukkan oleh Kementerian Kesihatan dalam tahun 2015, 2016 dan juga 2017 untuk negeri Sarawak adalah seperti berikut:

1. Peruntukan Mengurus (B42)

- a. Bagi tahun 2015, Peruntukan KKM adalah RM21.714 bilion dan Sarawak diperuntukan sebanyak RM1.912 bilion atau 8.8%.
- b. Bagi tahun 2016, Peruntukan KKM adalah RM21.535 bilion dan Sarawak diperuntukan sebanyak RM1.988 bilion atau 9.23%.
- c. Sehingga 30 Jun 2017, Peruntukan KKM adalah RM23.463 bilion dan Sarawak telah diperuntukan sebanyak RM1.526 bilion atau 6.51%.

2. Peruntukan Pembangunan (P42)

- a. Bagi tahun 2015, Peruntukan KKM adalah RM1.35 bilion dan Sarawak diperuntukan sebanyak RM224 juta atau 16.62%.
- b. Bagi tahun 2016, Peruntukan KKM adalah RM1.375 bilion dan Sarawak diperuntukan sebanyak RM221 juta atau 16.03%.
- c. Sehingga 30 Jun 2017, Peruntukan KKM adalah RM1.338 bilion dan Sarawak telah diperuntukan sebanyak RM63 juta atau 4.71%.